



NOH OMAR (tengah) bergambar bersama sebahagian penjawat awam pada Majlis Amanat 2018 di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini. -UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

2,000 unit PPR dibina di Selangor tahun ini

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 31 JAN.**

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membina 2,000 unit kediaman di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di empat lokasi di negeri ini membabitkan kos RM400 juta, sekali gus membawakan berita gembira buat rakyat Selangor.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, projek berkonsepkan sewa beli itu akan dilaksanakan tahun ini di empat lokasi iaitu Kampung Sungai Yu di Tanjung Karang; Berjantai Bestari di Kuala Selangor; Bukit Subang di Shah Alam dan Dengkil.

Katanya, pihaknya akan membina pangsapuri dengan masing-masing 500 unit di Bukit Subang dan Dengkil manakala rumah teres di Kampung Sungai Yu.

"Bagaimanapun untuk lokasi di Berjantai Bestari, ia masih



Bagaimanapun untuk lokasi di Berjantai Bestari, ia masih dalam peringkat perbincangan sama ada untuk membina pangsapuri atau teres dan kita akan memutuskan dalam masa terdekat."

TAN SRI NOH OMAR
Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

dalam peringkat perbincangan sama ada untuk membina pangsapuri atau teres dan kita akan memutuskan dalam masa terdekat.

"Melalui konsep sewa beli ini, kerajaan secara tidak langsung membantu golongan kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri," katanya dalam

sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan sempena Majlis Amanat 2018 kepada kira-kira 500 penjawat awam di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Noh yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor berkata, kesemua projek perumahan tersebut dibina atas tanah milik persendirian dan ketika ini Kementerian dalam proses melantik pemaju.

"Jadi kita harap kerajaan negeri akan beri kerjasama dan jangan disebabkan kuasa, rakyat Selangor yang akan menanggung kerugian seperti ada satu projek untuk membuat gelanggang futsal, pihak berkuasa tempatan tidak ada masalah, tetapi ia (projek) diganggu oleh ahli majlis.

"Mereka minta projek itu apabila telah siap diserahkan kepada mereka, projek dan peruntukan daripada kita tetapi apabila sudah siap dia mahu kita serah kepada dia. Tidak bolehlah begitu. Kita kalau nak serah pun kepada jawatankuasa penduduk untuk urus sendiri," ujarnya.